Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 9, e001761
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i9.1761

Kemahiran dan Motivasi Guru serta Keberkesanan Terhadap Penggunaan Telegram dan WhatsApp dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan

(The Teacher's Skills and Motivation, and the Effectiveness of Using Telegram and WhatsApp in Learning and Facilitation)

Munirah Madzlan[1*], Kamariah Abu Bakar[2]

[1]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: p113339@siswa.ukm.edu.my
[2]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: kamariah_abubakar@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Munirah Madzlan
(p113339@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:
Telegram
WhatsApp
Kemahiran
Motivasi
Keberkesanan
Pendidikan Awal kanak-kanak

KEYWORDS:
Telegram
WhatsApp
Skills
Motivation
Effectiveness
Early Childhood Education

CITATION:
Munirah Madzlan & Kamariah Abu Bakar. (2022). Kemahiran dan Motivasi Guru serta Keberkesanan Terhadap Penggunaan Telegram dan WhatsApp dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(9), e001761. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i9.1761

ABSTRAK

Guru merupakan agen perubahan dalam menyalurkan ilmu pengetahuan dan guru seharusnya berinisiatif dalam mempelbagaikan kaedah pendekatan yang terkini kerana guru bertanggungjawab dalam membina, membentuk dan mendidik perkembangan setiap kanak-kanak secara holistik. Menyedari hakikat ini, penerapan penggunaan teknologi dan aplikasi ICT dalam pembelajaran pendidikan awal kanak-kanak (PAKK) telah menjadi 'prioriti' dan dijadikan sebagai salah satu elemen komponen yang penting bagi tujuan merentas kurikulum (EMK) dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017). Oleh itu,kajian ini adalah untuk kenal pasti kemahiran guru dan motivasi guru tadika tentang penggunaan aplikasi Telegram dan WhatsApp serta keberkesanan penggunaan aplikasi berkenaan dalam PdPc guru-guru di tadika swasta Negeri Melaka. Kajian telah dijalankan dengan menggunakan kaedah kajian tinjauan berbentuk kuantitatif. Penggunaan soal selidik elektronik telah mendapat kebolehpercayaan dan kesahan sebagai alat psikometrik yang boleh dipercayai berdasarkan dapatan nilai Alpha Cronbha. Instrumen soal selidik elektronik telah disediakan dengan menggunakan skala likert empat mata yang mengandungi empat bahagian. Sampel adalah seramai 175 orang dalam kalangan guru-guru tadika swasta di Negeri Melaka berdasarkan persampelan rawak mudah dan dapatan data telah dianalisis secara statistik deskriptif untuk mencari min dan kekerapan melalui perisian *Statistical Package of Social Sciences* (SPSS). Hasil telah mendapati bahawa tahap kemahiran guru adalah tinggi manakala, tahap motivasi guru dan keberkesanan adalah sederhana dalam penggunaan aplikasi Telegram dan WhatsApp dalam PdPc guru-guru tadika swasta di Negeri Melaka. Dapatan ini diharapkan dapat memberi sumbangan terhadap kepentingan penggunaan pelbagai sumber teknologi ICT

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

secara EMK dalam KSPK agar sebuah PdPc PAKK yang berkesan dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan lebih berkualiti.

ABSTRACT

Teachers are agents for giving knowledge and teachers should be initiative in diversifying the latest methods of approach because they are responsible for building, shaping and educating the development of child.Realizing this fact, the application of ICT technology in early childhood education (ECE) has become a priority and is made as one of the important component elements for cross-curricular purposes (ECC) in Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017). Therefore, this study is to identify the skills and the motivation of using the Telegram and WhatsApp applications and the effectiveness in the PdPc among private kindergarten teachers in the State of Melaka.The study was conducted using a quantitative survey method.The use of electronic questionnaires has gained reliability and validity as a reliable psychometric tool based on the findings of Cronbha's Alpha.An electronic questionnaire instrument was prepared using a four-point likert scale containing four parts.The sample is about 175 among private kindergarten teachers in the State of Melaka based on simple random sampling and the data findings have been analyzed to find the mean and frequencies through the Statistical Package of Social Sciences (SPSS) software. The results of the findings have shown that teacher skill is high, while the teacher motivation and effectiveness in the use of Telegram and WhatsApp applications in PdPc is moderate.This finding is expected to contribute to the importance of using various ICT technology resources as ECC in KSPK so that a smooth and effective ECE PdPc can be implemented better and more quality.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini adalah salah satu daripada kajian yang telah menyiasat tahap kemahiran dan tahap motivasi guru serta keberkesanan terhadap penggunaan aplikasi Telegram dan WhatsApp dalam PdPc guru-guru pendidikan awal kanak-kanak khususnya agar kerencaman kajian dapat memperkayakan khazanah kajian serta dapat mengurangkan jurang dalam kajian yang berkaitan.

1. Pengenalan

Mendepani era generasi globalisasi pada masa kini, cabaran guru bukan setakat hanya memberi dan membekalkan ilmu kemahiran dan pengetahuan kepada kanak-kanak semata tetapi cabarannya adalah pencerakinan kepada penjanaan ilmu baharu serta menyahut anjakan paradigma selaras dengan kehendak dunia pendidikan alaf fasa ke-21 yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) lebih tertumpu kepada kaedah pendekatan atau pedagogi guru yang mengintegrasikan penggunaan pelbagai sumber teknologi dalam menghasilkan satu proses pembelajaran yang interaktif. Bentuk PdPc kini telah berubah dengan menjadikan teknologi *Information and Communication*

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Technology (ICT) sebagai pemangkin dalam menjadikan PdPc kelas menjadi lebih menarik dan efektif (Nur Fatin et al., 2021).

Tindakan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam mewartakan penggunaan pelbagai sumber teknologi ICT sebagai salah satu bahan bantu mengajar (BBM) adalah wajar dan sangat tepat bagi memperoleh keberkesanan dan kualiti PdPc di sekolah (Noorazman et al., 2018). Penggunaan pelbagai teknologi ICT dalam PdPc adalah berkesan di sekolah menengah mahupun sekolah rendah (Wakil, Qaisar & Mohammad, 2017 dalam Jayaganes & Aida, 2021). Hal ini kerana penggunaan BBM yang bersesuaian adalah penting agar guru dapat memperjelaskan PdPc dengan lebih tepat dan jelas (Jayaganes & Aida, 2021) serta dapat memastikan penyampaian PdPc dapat di laksanakan dengan lebih berkesan (Euis Eti Rohaeti et al., 2020). Penggunaan BBM yang bersesuaian boleh mengubah PdPc menjadi lebih baik dan memberi motivasi kepada kanak-kanak untuk mempelajari sesuatu dengan lebih mudah (Alizah & Zamri, 2019).

Penggunaan pelbagai sumber teknologi ICT dalam PdPc dilihat mampu memberi satu revolusi berkaitan teknik-teknik baharu dalam pedagogi guru-guru abad ke-21. Dalam memenuhi keperluan pembelajaran yang kian pesat berkembang maju, teknologi dan pendidikan telah menjadi dua komponen utama yang perlu digabungkan bagi menggapai objektif dengan jayanya (Suvarmani Subban et al., 2022). Nuradilah et al. (2020) berpendapat bahawa penggunaan pelbagai sumber teknologi ICT mampu memberikan kemudahan dalam menjayakan pelaksanaan proses PdPc secara berkesan. Kanak-kanak perlu didedahkan kepada pelbagai sumber teknologi ICT dengan cara yang lebih bermakna kerana ianya mampu menawarkan satu kaedah pendekatan dan pedagogi baru untuk kanak-kanak belajar dan menguasai kemahiran-kemahiran baru selaras dengan saranan anjakan ketujuh dalam PPPM iaitu pemanfaatan sumber teknologi ICT untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan negara. Kajian oleh Shah Rulbani et al. (2017) turut menyatakan bahawa peranan penggunaan pelbagai sumber teknologi ICT telah menjadi kunci utama dalam proses PdPc guru era globalisasi alaf 21.

Setiap guru termasuk guru pendidikan awal kanak-kanak (PAKK) perlulah berusaha untuk menyediakan diri sebagai tenaga kerja yang celik dalam pengendalian dan pengurusan berteknologi ICT dalam PdPc bersama kanak-kanak agar ianya seiring dengan keperluan dan tuntutan pembelajaran global abad ke-21. Kemenjadian dan keberhasilan guru ke arah memenuhi tuntutan dan keperluan dimensi pasaran tenaga kerja berteknologi alaf ke-21 ini perlu di beri perhatian. Guru perlu berusaha untuk menimba pengalaman baru, sentiasa bermotivasi untuk meningkatkan pembangunan kompetensi dan kemahiran diri dalam penggunaan teknologi ICT seperti penggunaan perisian, platform dan aplikasi-aplikasi ICT yang terkini dan '*trending*' dalam PdPc agar proses PdPc mampu dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Pihak KPM juga dilihat proaktif dalam merancang dan menyediakan pelbagai program dan latihan yang bersesuaian untuk meningkatkan tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan tahap motivasi guru bagi mentransformasikan penggunaan pelbagai sumber teknologi ICT dalam sistem pendidikan negara (Bahagian Pendidikan Guru, 2016). Keperluan para guru untuk mempelajari dan menggunakan pelbagai sumber teknologi ICT dalam PdP telah ditekankan sejak bermulanya perlaksanaan Sekolah Bestari pada tahun 1996, pembestarian platform *Virtual Learning Environment (VLE) Frog* pada tahun 2006 melalui 1 *Bestari Net* dan kemudiannya diperkukuhkan lagi dengan penjenamaan platform pendidikan digital iaitu *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa) (Norehan & Mahaliza, 2021; Roshlawaty, 2020). Platform digital DELIMa ini

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

mengandungi pelbagai kemudahan pautan link aplikasi-aplikasi ICT seperti *Google Classroom, Microsoft Teams, Buku Teks Digital, EduwebTV, CikguTube* dan pelbagai lagi untuk membantu para guru mengeksplorasi penggunaannya bagi tujuan perlaksanaan proses PdPc yang lebih berkesan (Norehan & Mahaliza, 2021).

Menyedari hakikat ini, KPM telah menetapkan bahawa program PAKK atau program prasekolah juga perlu diberikan keutamaan agar sistem pendidikannya dapat mencapai piawai kualiti seperti yang telah digariskan dalam Enam Bidang Keberhasilan Negara (NKRA) Prasekolah (Unit Koperasi Koperat, 2009). Satu proses anjakan paradigma telah mula dilaksanakan apabila penggunaan pelbagai sumber teknologi ICT yang dirasakan sesuai sebagai bahan bantu mengajar bagi melancarkan proses PdPc guru dengan kanak-kanak telah dijadikan salah satu komponen utama yang terkandung di bawah Elemen Merentas Kurikulum (EMK) di dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) 2017 untuk dipatuhi dan dilaksanakan dalam PdPc oleh semua guru PAKK di Malaysia.

2. Penggunaan Aplikasi ICT dalam Pdpc Pendidikan Awal Kanak-Kanak

Penggunaan ICT merupakan satu komponen yang penting dalam sistem pendidikan era ke-21 dan telah digunakan secara meluas dalam kalangan guru termasuklah guru PAKK bagi meningkatkan keberkesanan dan kualiti proses PdPc justeru memberi impak yang positif kepada bidang PAKK (Chew & Suziyani, 2021). Penggunaannya di bawah EMK dalam KSPK telah dijadikan sebagai salah satu pendekatan alternatif dalam membantu melancarkan dan memudahkan proses PdPc di tadika, di prasekolah mahu pun di semua institusi PAKK yang terdapat di dalam negara. Nur Hazirah dan Masayu (2020) menyatakan bahawa pendekatan melalui penggunaan pelbagai sumber teknologi ICT secara EMK di tadika dan prasekolah ini mampu membantu proses PdPc guru dan kanak-kanak dapat dilaksanakan dengan lebih mudah, menggalakkan interaksi secara kendiri antara bahan dan kanak-kanak serta memperkayakan pengalaman PdPc yang berupaya menarik minat dan motivasi belajar kanak-kanak.

Dalam usaha menjayakan penggunaan pelbagai sumber teknologi ICT seperti yang telah digariskan dalam PPPM 2013-2025, NKRA Prasekolah dan EMK dalam KSPK, setiap kelas prasekolah di Malaysia khususnya telah diperuntukkan dengan pelbagai sumber teknologi ICT seperti televisyen, komputer, tablet dan pelbagai perisian pengkomputeran yang bersesuaian oleh pihak KPM dalam memastikan segala perancangan dapat dijayakan (Sandra Rahman et al., 2013). Manakala, di tadika dan institusi PAKK yang lain pula, setiap pengusaha juga telah disarankan untuk menyediakan pelbagai sumber teknologi ICT yang bersesuaian dengan keperluan dan tujuan PdPc (Bahagian Pendidikan Swasta, 2017) bagi menjayakan perancangan ini bersama. Kemudahan dan kelengkapan pelbagai sumber teknologi ICT yang disediakan ini adalah sangat berkait rapat dalam memastikan kefungsian bagi pelbagai perisian, platform, '*software*' dan aplikasi ICT yang terkini di pasaran agar dapat digunakan dengan efisien sebagai medium bagi menghasilkan sebuah PdPc yang interaktif dan berkesan (Ugartini & Zamri, 2021).

Pada masa kini, banyak institusi pendidikan seperti prasekolah, tadika, taska, pusat asuhan, sekolah, kolej, universiti dan pelbagai lagi dilihat telah mula memperkenalkan penggunaan pelbagai aplikasi ICT yang terkini untuk digunakan dalam PdPc sebagai salah satu alternatif dalam menyediakan PdPc yang interaktif dan juga sebagai salah satu medium pertukaran maklumat dalam memastikan pembelajaran kanak-kanak seiring dengan pembelajaran era globalisasi kini (Ugartini & Zamri, 2021). Situasi ini juga dilihat

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

semakin kerap dan semakin popular digunakan apabila pihak KPM telah mengeluarkan arahan ke atas pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) bagi menggantikan PdPc secara bersemuka ketika negara Malaysia mengambil langkah menjalankan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi melandaikan lengkuk penularan penyakit Covid-19 yang di sebabkan oleh virus SARS-COV-2 yang telah menyerang negara baru-baru ini. Semua PdPc secara bersemuka di semua sekolah kerajaan dan semua institusi pendidikan swasta telah dihentikan serta merta dan telah digantikan dengan *e*-pembelajaran dan pengajaran jarak jauh (Wong & Khairul, 2021).

Pendidikan berbentuk norma baharu ini telah menuntut PdPc dalam dan luar talian melalui pendekatan *Home-based Learning* dilaksanakan oleh semua guru secara aktif. Menurut Radzi Jidin (2020) dalam Siti Nurbaizura dan Nurfaradilla (2020), kaedah pendekatan *Home-based Learning* ini adalah merupakan satu kaedah pendekatan yang baru bagi kanak-kanak, ibu bapa dan guru-guru di Malaysia. Isi pembelajaran akan disediakan oleh guru dalam pelbagai bentuk seperti video, kuiz, lembaran kerja, arahan panduan kerja dalam bentuk teks serta pelbagai lagi dan kemudian akan dimuat naik *(upload)* secara '*Online*' atau '*Offline*' dengan menggunakan pelbagai medium aplikasi ICT yang bersesuaian seperti *WhatsApp, Telegram, You Tube, Quiiziz, Quizlet, Kahoot, WordWall, EdPuzzle, Google Classroom, Buku Teks Digital, Google Drive* dan sebagainya untuk diakses oleh kanak-kanak dari rumah (Nilavani & Khairul, 2021).

Rentetan itu, satu proses anjakan paradigma pemerkasaan penggunaan pelbagai aplikasi digital teknologi ICT dalam PdPc ini dilihat kian giat dilaksanakan dengan lebih sistematik dan lebih tersusun. Pengarah Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan KPM, Maznah Abu Bakar menyatakan bahawa kaedah pendekatan atau pedagogi guru berteraskan teknologi digital aplikasi ICT oleh semua guru tetap harus diteruskan walaupun pandemik Covid-19 telah berakhir dan ianya selari dengan Revolusi Industri 4.0 yang telah dirancang oleh pihak KPM. Penggunaan pelbagai aplikasi digital ICT yang terkini dan '*relevan*' dalam PdPc dilihat telah menjadi salah satu pendekatan alternatif yang rasional dalam memudahkan PdPc serta mewujudkan suasana PdPc guru yang menyeronokkan termasuklah guru PAKK (Nur Hazirah & Masayu, 2020).

Namun, *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation* (UNESCO) dalam laporannya telah menyatakan bahawa guru sekolah termasuk guru PAKK di Malaysia hanyalah menggunakan sumber teknologi aplikasi digital ICT sekadar sebagai alat pemprosesan perkataan dalam pengajaran semata (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Pelaksanaan penggunaan teknologi digital aplikasi ICT yang berkonsepkan *e-Learning* dalam PdPc para guru dilihat masih berada pada tahap yang tidak memuaskan walaupun negara Malaysia telah menjangkau era digital teknologi 2020 (Suvarmani et al., 2022). Hal ini diperkukuhkan lagi dengan kajian oleh Siti Hajar dan Suguneswary (2016) yang menjelaskan bahawa PdPc yang berteraskan penggunaan teknologi aplikasi digital ICT dalam kalangan guru termasuk guru PAKK masih kurang dilaksanakan dan masih tidak meluas digunakan.

Oleh yang demikian, terdapat beberapa isu dan permasalahan yang telah dikenalpasti dalam kajian-kajian lepas yang menjadi halangan dan kekangan kepada pelaksanaan penggunaan aplikasi digital ICT dalam PdPc guru termasuklah guru PAKK berdasarkan konteks kajian. Guru kurang berkemahiran dan bermotivasi adalah di antara isu dan cabaran yang telah dikenal pasti dalam penggunaan pelbagai sumber teknologi ICT seperti perisian, platform, '*software*' dan aplikasi yang terkini di pasaran seperti seperti *WhatsApp, Telegram, Kahoot, WordWall, Quizizz, Quizlet, EdPuzzle, You Tube, Google*

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Classroom, Buku Teks Digital, Google Drive dan banyak lagi dalam menyokong meningkatkan keberkesanan kualiti proses PdPc bersama kanak-kanak.

Menurut Dinc (2019) dalam Vanessa dan Nurfaradilla (2021), apabila mengadaptasikan pedagogi berteraskan teknologi ICT dalam PdPc, sesuatu proses PdPc akan menjadi lebih bermakna jika jenis teknologi ICT disesuaikan dengan persekitaran dan keperluan pembelajaran. Konteks kajian ini juga dilihat menyokong kepada penguasaan ilmu dalam penggunaan kepelbagaian kaedah pendekatan atau pedagogi yang terkini dan '*relevan*' dalam merealisasikan hasrat pembelajaran abad ke-21 iaitu pemanfaatan ICT dalam PPPM (2013-2025) dan amanah dan tanggungjawab yang perlu digalas dalam NKRA Prasekolah serta keperluan EMK dalam KSPK demi meningkatkan dan memperkasakan kualiti bidang PAKK di Malaysia.

3. Sorotan Literatur

Aplikasi *Telegram* dan *WhatsApp* adalah merupakan aplikasi yang diciptakan dengan bertujuan untuk menyediakan kemudahan penghantaran maklumat dengan mengutamakan privasi dan kerahsiaan. Aplikasi ini membantu dan memudahkan para penggunanya untuk membenarkan perkongsian aktiviti terima dan hantar media seperti dokumen dan pesanan dalam bentuk teks, perkongsian lokasi, membuat panggilan suara dan panggilan video, berkongsi dan bertukar foto atau imej, perkongsian animasi pelekat, perkongsian video, grafik, audio atau apa jua dokumen dan fail yang terkandung dalam pelbagai format secara percuma dan hanya memerlukan sambungan internet serta nombor telefon perkhidmatan bagi memastikannya dapat berfungsi dan membenarkan komunikasi berlaku tanpa halangan dan sempadan di mana-mana sahaja dan tanpa mengira masa.

Penggunaan aplikasi *Telegram* dan *WhatsApp* ini dilihat telah digunakan secara optimum dan kerap dalam kalangan guru PAKK bagi menyampaikan PdPc secara PdPR ketika negara kita telah dikejutkan dengan gejala Covid-19 yang menjadi pandemik di Malaysia malah di serata dunia (Liyana et al., 2021; Nur Hazirah & Masayu, 2020). Di sepanjang pandemik, PKP telah disarankan oleh pihak kerajaan dan ini sangat memberi kesan kepada guru pendidikan awal kanak-kanak dalam memastikan PdPc secara PdPR tetap berlangsung dengan jayanya dan tiada kanak-kanak akan ketinggalan. Oleh itu, penggunaan aplikasi *Telegram* dan *WhatsApp* ini dilihat mampu menjadi alternatif dalam membantu melancarkan proses PdPc secara PdPR mereka. Namun begitu, guru dilihat kurang kemahiran dan kurang motivasi dalam menggunakan aplikasi berkenaan semasa PdPc bersama kanak-kanak.

Kajian yang berfokus kepada tahap kemahiran dan tahap motivasi guru dalam menggunakan aplikasi *Telegram* dan *WhatsApp* dalam PdPc di peringkat PAKK secara spesifik dilihat masih kurang diterokai oleh pengkaji-pengkaji di luar sana. Namun begitu, kajian tentangnya lebih banyak dijumpai dan diselitkan dalam kajian yang berkisar tentang cabaran, isu, '*trend*' serta kekangan dan halangan dalam melaksanakan PdPc secara PdPR semasa pandemik Covid-19 dan PKP, PdPc secara *e*-pembelajaran atau PdPc secara '*online learning*'.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

3.1. Tahap Kemahiran Guru Terhadap Penggunaan Aplikasi Telegram dan Whatsapp Dalam Pdpc Pendidikan Awal Kanak-Kanak

Nur Hazirah dan Masayu (2020) dalam kajian mereka telah mendapati bahawa tahap kemahiran guru tinggi dalam menggunakan aplikasi *Telegram* & *WhatsApp* sebagai alat perhubungan dalam menyampaikan PdPc mereka kepada kanak-kanak. Responden dilihat berasa selesa dan mudah dalam menggunakan aplikasi *Telegram* & *WhatsApp* dalam PdPc. Kajian mereka juga telah membuktikan bahawa penggunaan aplikasi *Telegram* & *WhatsApp* adalah metode PdPc yang efektif kerana ianya mudah untuk dilaksanakan sepanjang PdPc secara PdPR. Namun, terdapat juga kajian yang memberikan hasil dapatan yang sebaliknya tentang tahap kemahiran guru terhadap penggunaan aplikasi *Telegram* dan *WhatsApp* dalam PdPc seperti kajian yang dijalankan oleh Muhammad Izzat (2021). Kajian beliau telah mendapati bahawa penguasaan kemahiran yang berteraskan penggunaan aplikasi seperti *Telegram* dan *WhatsApp* adalah menjadi satu masalah dalam melaksanakan PdPc secara PdPR oleh guru termasuklah guru PAKK. Hal ini adalah kerana kebanyakan guru senior masih belum menguasai kemahiran dalam menggunakan aplikasi berkenaan bagi melaksanakan PdPc secara PdPR bersama kanak-kanak.

Di samping itu juga, Nilavani dan Khairul (2021) dalam kajian mereka turut menunjukkan dapatan hasil yang lebih kurang sama iaitu kekurangan kemahiran untuk mengadaptasi diri dalam penggunaan alatan dan aplikasi ICT yang moden seperti *Telegram* dan *WhatsApp* dalam PdPc adalah menjadi salah satu cabaran kepada guru termasuklah guru pendidikan awal kanak-kanak di sepanjang tempoh PKP. Dapatan yang lebih kurang sama juga didapati dalam kajian oleh Nur Hanisah dan Mohd Isa (2021) turut menyatakan bahawa medium PdPc secara maya dengan menggunakan aplikasi ICT seperti *Telegram*, *WhatsApp* dan sebagainya kurang mendapat sambutan kerana guru didapati kurang mahir dalam menggunakan medium berasaskan teknologi terkini semasa mengendali PdPc secara PdPR. Disokong juga oleh kajian Nurul Khadijah et al. (2020) dalam Maimun et al. (2021) turut mendapati bahawa guru pendidikan Islam yang mengajar di kelas perdana mahupun di kelas prasekolah mengalami cabaran untuk menggunakan aplikasi ICT seperti *Telegram, WhatsApp, Zoom, Google Meet* dan sebagainya semasa fasa era pandemik Covid-19. Kajian oleh Suraya et al. (2017) telah menunjukkan bahawa guru lebih gemar menggunakan komputer berbanding aplikasi *WhatsApp* kerana mereka tidak mempunyai keselesaan dan kemahiran kefungsian aplikasi *WhatsApp* yang jelas untuk menggunakannya dengan maksimum.

Oleh itu, peningkatan kemahiran dan kompetensi guru dalam penggunaan pelbagai perisian, platform, '*software*' dan aplikasi ICT yang '*relevan*' seperti *Telegram* dan *WhatsApp* serta pelbagai lagi sumber teknologi untuk digunakan dalam PdPc atau PdPR adalah amat disarankan oleh pihak KPM agar ianya dapat dilaksanakan dengan berkesan. Menteri Pendidikan Malaysia, Dr Radzi Jidin menyatakan bahawa bagi menyokong peningkatan dimensi kompetensi dan kemahiran terhadap penggunaan teknologi pendigitalan aplikasi ICT yang terkini, KPM telah memperuntukkan penetapan dasar yang luas dalam penyediaan tenaga latihan untuk meningkatkan tahap pengetahuan, kemahiran, kesediaan, motivasi dan keyakinan para guru bagi merealisasikan penyampaian PdPc atau PdPR yang berteknologi. Menurut Azman (2021) dalam Maimun et al., (2021), penggunaan aplikasi seperti *Telegram, WhatsApp, Google Classroom, Kahoot* dan sebagainya mampu menjadi pengantara dan medium yang baik apabila guru mahir untuk menggunakannya dengan betul dan tepat dalam PdPc.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

3.2. Tahap Motivasi Guru Terhadap Penggunaan Aplikasi Telegram Dan Whatsapp Dalam Pdpc Pendidikan Awal Kanak-Kanak

Berdasarkan kajian Nilavani dan Khairul (2021), sokongan sosial yang diberikan oleh pelbagai pihak mampu meningkatkan tahap kesejahteraan mental dan motivasi guru dalam menjalankan tanggungjawab dengan sempurna. Hal ini disokong oleh Noor Syaheerah dan Tajul (2021) dalam Siti Nur Wahida et al., (2021) yang menyatakan bahawa motivasi seseorang guru perlu dipandang serius dalam usaha mendepani cabaran PdPc secara PdPR di sepanjang tempoh PKP. Jika seseorang guru dapat menguruskan emosi dengan baik, maka, tingkah laku dan pemikirannya juga akan berada dalam keadaan yang baik.

Proses PdPc secara PdPR telah menjadikan tugas seseorang guru lebih mencabar. Menurut Syahiza dan Fariza (2019) dalam Nur Hanisah dan Mohd Isa (2021), tanggungjawab seseorang guru menjadi semakin bertambah apabila guru terpaksa menyesuaikan diri dalam penggunaan aplikasi ICT seperti *Telegram, WhatsApp, Kahoot, WordWall* dan sebagainya untuk diintegrasikan dalam PdPR semasa PKP. Hal ini menunjukkan bahawa tanggungjawab guru yang bertambah telah menyebabkan bebanan tugas guru juga turut meningkat. Menurut Muhammad Faizal (2020), bebanan tugas guru yang tinggi boleh menyebabkan mereka menjadi kurang bermotivasi dan menjadi cabaran kepada mereka dalam memberikan PdPc atau PdPR yang berkesan. Menurut Maimun et al. (2021), setiap guru hendaklah berusaha untuk terus kekal bersemangat dan bermotivasi dalam usaha mendidik anak bangsa walaupun terdapat pelbagai rintangan dan cabaran yang hadir dalam PdPc atau PdPR abad ke-21.

Kajian yang dijalankan oleh Chew dan Suziyani (2021) menegaskan bahawa guru prasekolah atau guru PAKK tidak seharusnya mempunyai masalah dalam kemahiran dan motivasi yang rendah dalam menggunakan kepelbagaian sumber teknologi digital ICT yang terkini dalam PdPc bersama kanak-kanak. Hal ini menunjukkan bahawa keperluan motivasi guru yang tinggi dalam penggunaan aplikasi ICT terkini dan '*relevan*' seperti *Telegram, WhatsApp, Ed Puzzle* serta sebagainya dalam PdPc adalah merupakan salah satu faktor yang utama dan penting untuk diambil perhatian oleh setiap guru PAKK. Arzizul dan Dg Norizah (2018) menegaskan bahawa bagi melonjakkan kompetensi kemahiran guru dan pengetahuan guru, aspek motivasi guru adalah perkara yang paling penting untuk diutamakan agar dapat menjadi pemangkin peningkatan keberhasilan bakat dan kejayaan kanak-kanak. Oleh itu, kesediaan guru yang bermotivasi tinggi dalam penggunaan pengintegrasian teknologi aplikasi ICT yang bersesuaian di semua peringkat pendidikan dilihat mampu menaikkan kualiti proses PdPc.

3.3. Tahap Keberkesanan Penggunaan Aplikasi Telegram dan Whatsapp dalam Pdpc Pendidikan Awal Kanak-Kanak

Menurut Norhasna dan Mohd Jasmy (2016) dalam Tuan Shariffah dan Mohd Mahzan (2021), penggunaan aplikasi *Telegram* sesuai digunakan sebagai media pengajaran yang baik oleh guru semasa proses PdPc dalam semua peringkat pendidikan termasuk PAKK. Kajian oleh Fadzliyah et al. (2020) juga telah menunjukkan hasil dapatan yang sama iaitu guru novis pendidikan Islam yang mengajar di kelas perdana mahupun di kelas prasekolah telah memilih aplikasi *Telegram* sebagai salah satu medium alternatif yang utama dalam menyampaikan PdPc di sepanjang tempoh PKP. Pada masa yang sama, kajian oleh Liyana et al. (2021) turut menyatakan bahawa penggunaan aplikasi *Telegram* dalam PdPc secara PdPR adalah merupakan salah satu pendekatan alternatif yang utama

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dan sering digunakan dalam kalangan guru prasekolah bagi menggantikan PdPc secara tradisional bersemuka semasa tempoh PKP. Hasil dapatan mereka juga telah menunjukkan bahawa aplikasi *Telegram* berpotensi tinggi dalam menyumbang kepada kebergunaan dan kefungsiaan yang baik dalam menjayakan proses PdPc secara PdPR bersama kanak-kanak di prasekolah.

Manakala, bagi penggunaan aplikasi *WhatsApp*, menurut kajian yang dijalankan oleh Melvina & Sara (2021), penggunaan aplikasi *WhatsApp* dilihat mampu mewujudkan variasi dalam pendekatan sedia ada guru dan mampu memberi kesan dan impak kepada proses PdPc. Penggunaan aplikasi *WhatsApp* dilihat mampu menyokong kepada keberkesanan dalam proses PdPc. Alqahtani et al. (2018) dalam kajian mereka juga telah mendapati bahawa guru lebih gembira untuk bersosialisasi bersama kanak-kanak apabila menggunakan aplikasi *WhatsApp* khususnya dalam PdPc pendidikan bahasa Inggeris. Sementara kajian oleh Levent Cetinkaya (2017) dalam kajiannya juga turut membuktikan bahawa guru boleh membuat PdPc dengan menggunakan aplikasi *WhatsApp* tanpa mengira lokasi tempat yang khusus, tanpa mengira waktu dan tetapan masa yang ditetapkan, serta penepatan ketetapan had bilangan dan ini membuktikan bahawa aplikasi *WhatsApp* adalah merupakan satu aplikasi yang sangat senang dan mudah untuk diimplimenkan oleh setiap guru bagi melancarkan proses PdPc.

Kewujudan pandemik Covid-19 telah menjadi cabaran bagi setiap guru dan ini telah menyebabkan terdapat juga kajian yang menemukan hasil dapatan yang sebaliknya. Kajian oleh Inggar Tri et al. (2020) telah menunjukkan bahawa proses PdPc bersama kanak-kanak mengalami beberapa halangan dalam penggunaan aplikasi *WhatsApp* sebagai medium pengajaran kerana kanak-kanak dilihat lebih suka untuk belajar melalui kaedah bersemuka.

Secara kesimpulannya, keberkesanan penggunaan aplikasi *Telegram* dan *WhatsApp* dalam PdPc guru dilihat mampu memberi kesan yang baik dan ada juga ada yang memberi kesan sebaliknya. Oleh disebabkan itu, pengkaji berminat :

i. Mengenal pasti kemahiran guru dalam penggunaan aplikasi *Telegram* dan *WhatsApp* dalam PdPc di tadika.
ii. Mengenal pasti motivasi guru dalam penggunaan aplikasi *Telegram* dan *WhatsApp* dalam PdPc di tadika.
iii. Mengenal pasti keberkesanan penggunaan aplikasi *Telegram* dan *WhatsApp* dalam PdPc guru di tadika.

4. Metod Kajian

Kajian telah dijalankan dengan menggunakan kaedah kajian tinjauan berbentuk kuantitatif. Penggunaan soal selidik elektronik telah mendapat kebolehpercayaan dan kesahan sebagai alat psikometrik yang boleh dipercayai berdasarkan dapatan nilai *Alpha Cronbha* telah digunakan. Pendekatan penggunaan set borang soal selidik elektronik sebagai instrumen utama telah dikenal pasti bagi proses pemerolehan data. Instrumen soal selidik elektronik telah disediakan dengan menggunakan skala likert empat mata yang mengandungi empat bahagian. Sampel adalah seramai 175 orang dalam kalangan guru-guru tadika swasta di Negeri Melaka berdasarkan pensampelan rawak mudah dan dapatan data telah di analisis secara statistik deskriptif untuk mencari min dan kekerapan melalui perisian *Statistical Package of Social Sciences* (SPSS).

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Keputusan kajian rintis telah memperlihatkan nilai *Cronbach Alpha*, Kemahiran=0.944, Motivasi=0.968 dan Keberkesanan=0.975 beserta kesahan dari empat orang pakar yang terdiri dalam bidang PAKK, bidang teknologi serta bidang bahasa yang berkaitan dengan kajian. Berdasarkan nilai *Cronbach Alpha*, dapatan telah menunjukkan bahawa instrumen soal selidik elektronik ini merupakan alat psikometrik yang boleh dipercayai dan boleh digunakan dalam kajian sebenar (Pallant (2010) dalam Aini Salwati (2021).

5. Hasil Kajian

5.1. Tahap Kemahiran Guru

Apakah tahap kemahiran guru terhadap penggunaan aplikasi *Telegram* dan *WhatsApp* dalam PdPc guru-guru di tadika swasta?

Berdasarkan data yang telah dianalisis dalam Jadual 1, jumlah keseluruhan min adalah 3.11. Maka, interpretasi skor min mendapati tahap kemahiran guru adalah tinggi dalam penggunaan *Telegram* dan *WhatsApp* dalam PdPc guru-guru tadika swasta di Negeri Melaka. Statistik deskriptif seterusnya adalah mengikut Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Tahap Kemahiran Guru Terhadap Penggunaan *Telegram* dan *WhatsApp* Dalam PdPc

Pernyataan	STS	TS	S	SS	Min	SP
Saya dapat mengakses dan menggunakan aplikasi dengan mudah.	6 (3.4)	15 (8.6)	104 (59.4)	50 (28.6)	3.13	.703
Saya dapat mengendalikan dan mengikut langkah-langkah penggunaan aplikasi dengan betul.	4 (2.3)	15 (8.6)	105 (60.0)	51 (29.1)	3.16	.667
Saya boleh mengendalikan proses mengedit bahan aktiviti semasa menggunakan aplikasi.	4 (2.3)	24 (13.7)	89 (50.9)	58 (33.1)	3.15	.736
Saya dapat membina soalan berbentuk teks dengan menggunakan aplikasi untuk diajukan kepada murid.	5 (2.9)	31 (17.7)	92 (52.6)	47 (26.9)	3.03	.750
Saya dapat mengendalikan aplikasi menggunakan telefon mudah alih peribadi atau komputer kelas.	5 (2.9)	20 (11.4)	96 (54.9)	54 (30.9)	3.14	.722
Saya dapat menyambungkan internet apabila menggunakan aplikasi agar aplikasi dapat berfungsi.	5 (2.9)	20 (11.4)	102 (58.3)	48 (27.4)	3.10	.704
Saya dapat memuat naik (*upload)* bahan bantu mengajar dalam bentuk digital secara teratur semasa menggunakan aplikasi.	4 (2.3)	24 (13.7)	101 (57.7)	46 (26.3)	3.08	.698
Saya dapat memuat turun (*download*) bahan bantu mengajar dalam bentuk digital secara teratur semasa menggunakan aplikasi.	4 (2.3)	24 (13.7)	93 (53.1)	54 (30.9)	3.13	.724
Saya dapat memberikan lembaran kerja dengan menggunakan aplikasi.	4 (2.3)	38 (21.7)	91 (52.0)	42 (24.0)	2.98	.742
Saya dapat memberikan latihan atau kuiz melalui pautan '*link'* laman web dengan menggunakan aplikasi.	4 (2.3)	20 (11.4)	92 (52.6)	59 (33.7)	3.18	.717
Keseluruhan					3.11	.604

5.2. Tahap Motivasi Guru

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Apakah tahap motivasi guru terhadap penggunaan aplikasi *Telegram* dan *WhatsApp* dalam PdPc guru-guru tadika swasta?

Berdasarkan data yang telah dianalisis dalam Jadual 2, jumlah keseluruhan min adalah 2.89. Maka, interpretasi skor min mendapati tahap kemahiran guru adalah sederhana dalam penggunaan *Telegram* dan *WhatsApp* dalam PdPc tadika swasta di Negeri Melaka. Statistik deskriptif seterusnya adalah mengikut Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Tahap Motivasi Guru Terhadap Penggunaan *Telegram* dan *WhatsApp* Dalam PdPc

Pernyataan	STS	TS	S	SS	Min	SP
Saya berasa gembira dapat menerapkan penggunaan aplikasi secara elemen merentas kurikulum (EMK).	6 (3.4)	19 (10.9)	110 (62.9)	40 (22.9)	3.05	.689
Saya berasa yakin menggunakan aplikasi dalam membuat perkongsian bahan PdPc.	6 (3.4)	40 (22.9)	98 (56.0)	31 (17.7)	2.88	.729
Saya berasa selesa menggunakan aplikasi sepanjang PdPc di dalam dan di luar kelas dengan murid.	4 (2.3)	52 (29.7)	88 (50.3)	31 (17.7)	2.83	.736
Saya sentiasa berasa gembira apabila melihat reaksi positif murid apabila penggunaan aplikasi diintegrasikan dalam PdPc.	6 (3.4)	40 (22.9)	95 (54.3)	34 (19.4)	2.90	.743
Saya dapat berinteraksi dengan ceria bersama murid apabila menggunakan aplikasi.	10 (5.7)	51 (29.1)	85 (48.6)	29 (16.6)	2.76	.795
Saya berasa diri dihargai apabila mendapat maklum balas dan respons yang positif daripada murid melalui penggunaan aplikasi.	7 (4.0)	34 (19.4)	96 (54.9)	38 (21.7)	2.94	.756
Saya mendapati murid aktif semasa melakukan aktiviti apabila PdPc diterapkan dengan penggunaan aplikasi.	11 (6.3)	51 (29.1)	80 (45.7)	33 (18.9)	2.77	.826
Saya menjadi lebih berhemah menggunakan ict setelah menerapkan penggunaan aplikasi dalam PdPc.	6 (3.4)	31 (17.7)	101 (57.7)	37 (21.1)	2.97	.726
Saya berasa seronok apabila melihat respons daripada murid apabila menggunakan aplikasi dalam PdPc.	6 (3.4)	41 (23.4)	94 (53.7)	34 (19.4)	2.89	.746
Saya berasa bersemangat untuk menjalankan PdPc dengan menggunakan aplikasi.	5 (2.9)	38 (21.7)	104 (59.4)	28 (16.0)	2.89	.694
Keseluruhan					2.89	.632

5.3. Tahap Keberkesanan

Berdasarkan data yang telah dianalisis dalam Jadual 3, jumlah keseluruhan min adalah 2.94. Maka, interpretasi skor min ini telah menunjukkan bahawa tahap keberkesanan penggunaan *Telegram* dan *WhatsApp* dalam PdPc guru-guru tadika swasta di Negeri Melaka adalah sederhana. Statistik deskriptif seterusnya adalah mengikut Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Tahap Keberkesanan Penggunaan *Telegram* dan *WhatsApp* Dalam PdPc

Pernyataan	STS	TS	S	SS	Min	SP
Perancangan dan sesi PdPc saya lebih lancar seperti yang telah dirancang.	6 (3.4)	40 (22.9)	102 (58.3)	27 (15.4)	2.86	.709

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Bahan video dan nota aktiviti yang berbentuk digital dapat dikongsi dengan mudah.	7 (4.0)	34 (19.4)	83 (47.4)	51 (29.1)	3.02	.806
Lembaran kerja dan arahan aktiviti dapat dikongsi dengan mudah.	7 (4.0)	52 (29.7)	80 (45.7)	36 (20.6)	2.83	.798
Latihan secara *'link'* kuiz digital dapat diberi dan dikongsi dengan mudah.	7 (4.0)	23 (13.1)	93 (53.1)	52 (29.7)	3.09	.765
Peruntukan masa mengajar saya dapat dijimatkan.	8 (4.6)	31 (17.7)	109 (62.3)	27 (15.4)	2.89	.710
Tahap kecekapan profesionalisme saya dalam mengintegrasikan penggunaan teknologi ICT semakin meningkat.	7 (4.0)	24 (13.7)	103 (58.9)	41 (23.4)	3.02	.731
Keyakinan saya lebih baik dan meningkat dalam menyampaikan isi pembelajaran.	9 (5.1)	38 (21.7)	95 (54.3)	33 (18.9)	2.87	.773
Segala perbincangan dan pandangan murid dapat saya kongsi serta saya rekod dengan pantas.	8 (4.6)	32 (18.3)	99 (56.6)	36 (20.6)	2.93	.755
Komunikasi yang jelas dapat disampaikan dengan lancar dalam PdPc saya.	14 (8.0)	39 (22.3)	84 (48.0)	38 (21.7)	2.83	.858
PdPc menjadi seronok dan menarik dengan menginteragsikan penggunaan aplikasi.	11 (6.3)	26 (14.9)	100 (57.1)	38 (21.7)	2.94	.786
Kreativiti saya bertambah dalam menyediakan bahan bantu mengajar.	8 (4.6)	31 (17.7)	97 (55.4)	39 (22.3)	2.95	.764
Motivasi dan minat saya dapat dikekalkan sepanjang PdPc.	9 (5.1)	36 (20.6)	90 (51.4)	40 (22.9)	2.92	.798
PdPc saya mengikut trend terkini dengan pengintegrasian elemen teknologi ICT.	7 (4.0)	24 (13.7)	103 (58.9)	41 (23.4)	3.02	.731
PdPc saya selari dengan ciri-ciri dan pedagogi pembelajaran abad ke-21.	8 (4.6)	21 (12.0)	103 (58.9)	43 (24.6)	3.03	.742
PdPc melalui aplikasi ini dapat disesuaikan dan boleh di guna pakai di peringkat tadika swasta.	14 (8.0)	24 (13.7)	98 (56.0)	39 (22.3)	2.93	.824
Keseluruhan					2.94	.672

6. Perbincangan Kajian

6.1. Tahap Kemahiran Guru

Tahap kemahiran guru tinggi terhadap penggunaan aplikasi *Telegram* dan *WhatsApp* dalam PdPc di tadika swasta Negeri Melaka mengikut kajian ini. Dapatan ini didapati sama dengan kajian dijalankan oleh Nur Hazirah dan Masayu (2020). Dapatan mereka telah menunjukkan bahawa tahap kemahiran guru PAKK di Johor adalah tinggi dalam penggunaan aplikasi *Telegram* & *WhatsApp* dalam PdPc. Majoriti responden menunjukkan kekerapan bersetuju dan sangat bersetuju mengenai berasa selesa dan mudah dalam menggunakan dan mengakses aplikasi *Telegram* dan *WhatsApp* dalam PdPc secara PdPR sebagai alat perhubungan dalam menyampaikan PdPc kepada kanak-kanak. Keputusan mereka juga telah menunjukkan majoriti responden adalah sangat mahir dalam menggunakan aplikasi *WhatsApp* dalam PdPc secara PdPR dengan kekerapan 22 orang responden bagi sangat mahir dan di ikuti dengan responden yang mahir dengan kekerapan sebanyak 29 orang dan hanya sebanyak kekerapan 2 orang adalah tidak mahir. Manakala, majoriti responden yang sangat mahir dalam menggunakan aplikasi *Telegram* dalam PdPR adalah dengan kekerapan 15 orang dan di ikuti dengan responden yang mahir dengan kekerapan sebanyak 19 orang dan hanya sebanyak kekerapan 10 orang adalah tidak mahir. Hal ini jelas membuktikan bahawa tahap kemahiran guru PAKK

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

adalah tinggi dalam menggunakan aplikasi *Telegram* & *WhatsApp* dalam PdPc secara PdPR.

Namun begitu, dapatan ini didapati sebaliknya dan berlawanan dengan Muhammad Izzat (2021). Kajian beliau telah mendapati bahawa penguasaan kemahiran yang berteraskan penggunaan aplikasi *Telegram* dan *WhatsApp* adalah menjadi satu masalah dalam melaksanakan PdPc secara PdPR oleh guru termasuklah guru PAKK. Begitu juga dengan kajian oleh Nilavani dan Khairul (2021) turut mendapati bahawa kekurangan kemahiran untuk mengadaptasi diri dalam penggunaan alatan dan aplikasi ICT yang moden termasuk *Telegram* dan *WhatsApp* dalam PdPc adalah menjadi salah satu cabaran kepada guru termasuklah guru PAKK di sepanjang tempoh PKP. Walaupun kajian-kajian lepas ini tidak menyokong kepada dapatan kajian, perkara ini adalah kerana berkemungkinan disebabkan oleh jumlah sampel dan populasi kajian adalah tidak sama serta sebahagian besar dalam kalangan guru-guru tadika swasta di Negeri Melaka adalah lebih mahir dalam menggunakan aplikasi *Telegram* dan *WhatsApp* dalam PdPc berbanding kajian mereka.

6.2. Tahap Motivasi Guru

Tahap motivasi guru sederhana terhadap penggunaan aplikasi *Telegram* dan *WhatsApp* dalam PdPc di tadika swasta Negeri Melaka mengikut kajian ini. Dapatan ini didapati sama dalam kajian yang dijalankan oleh Syahiza dan Fariza (2019) dalam Nur Hanisah dan Mohd Isa (2021) yang telah menunjukkan bahawa proses PdPR dengan menggunakan pelbagai aplikasi ICT seperti *Telegram, WhatsApp, Kahoot, WordWall* dan sebagainya telah menjadikan tanggungjawab guru bertambah justeru menyebabkan bebanan tugas guru turut meningkat. Bebanan tugas guru yang tinggi boleh menyebabkan guru menjadi kurang bermotivasi dalam dan menjadi cabaran kepada mereka dalam memberikan PdPc secara PdPR yang berkesan kepada kanak-kanak (Muhammad Faizal, 2020). Tahap motivasi guru dilihat adalah kurang memuaskan iaitu sederhana dalam menggunakan aplikasi *Telegram* dan *WhatsApp* semasa PdPc secara PdPR dan memerlukan perhatian daripada semua pihak untuk mengatasinya.

6.3. Tahap Keberkesanan

Keberkesanan penggunaan aplikasi *Telegram* dan *WhatsApp* dalam PdPc di tadika swasta Negeri Melaka adalah sederhana mengikut kajian ini. Dapatan kajian ini didapati berlawanan dan tidak menunjukkan dapatan yang sama dengan kajian Liyana et al. (2021) yang menyatakan bahawa penggunaan aplikasi *Telegram* dalam PdPc secara PdPR adalah merupakan salah satu pendekatan alternatif yang sering dan kerap digunakan dalam kalangan guru prasekolah bagi menggantikan PdPc secara tradisional bersemuka semasa tempoh PKP. Hasil dapatan mereka juga telah menunjukkan bahawa keberkesanan penggunaan aplikasi *Telegram* dalam PdPc secara PdPR adalah tinggi dan sangat berpotensi dalam kebergunaan dan kefungsiaan yang baik dalam menjayakan keseluruhan proses. Manakala bagi penggunaan aplikasi *WhatsApp* pula, dapatan kajian ini didapati berlawanan dan tidak menunjukkan dapatan yang sama dengan Alqahtani et al. (2018) yang telah menunjukkan tahap keberkesanan penggunaan aplikasi *WhatsApp* dalam PdPc bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris adalah tinggi. Penggunaan aplikasi *WhatsApp* dalam PdPc dilihat telah menjadikan guru berasa lebih gembira untuk bersosialisasi disepanjang proses PdPc.

Dapatan kajian ini didapati tidak menyokong kepada dapatan kajian lepas adalah kerana berkemungkinan disebabkan oleh jumlah sampel dan populasi kajian serta lokasi kajian

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

adalah tidak sama serta sebahagian besar dalam kalangan guru-guru tadika swasta di Negeri Melaka bagi populasi kajian ini kurang berminat menggunakan aplikasi *Telegram* dan *WhatsApp* dalam PdPc mereka di tadika. Namun begitu, kajian oleh Inggar Tri et al. (2020) telah menunjukkan dapatan yang sama iaitu penggunaan aplikasi *WhatsApp* sebagai medium pengajaran adalah berada pada tahap sederhana kerana kanak-kanak bermasalah dalam menggunakan aplikasi *WhatsApp* semasa proses PdPc secara PdPR dan kanak-kanak juga dilihat lebih gemar untuk belajar secara bersemuka jika diberi pilihan.

7. Kesimpulan

Secara kesimpulan, tahap kemahiran guru adalah tinggi dalam penggunaan aplikasi *Telegram* dan *WhatsApp*, manakala, tahap motivasi guru dan keberkesanan adalah sederhana dalam penggunaan aplikasi *Telegram* dan *WhatsApp* dalam PdPc guru-guru tadika swasta di Negeri Melaka. Kemajuan kemunculan variasi aplikasi ICT di pasaran global telah menggalakkan kewujudan medium komunikasi yang membolehkan proses PdPc guru dapat dijalankan dengan berkesan dan boleh membenarkan penyaluran maklumat dan info pembelajaran berlaku dengan lebih cekap dan pantas. Dipersetujui oleh Noradila et al. (2021) yang turut memandang kemajuan perkembangan teknologi aplikasi ICT telah banyak memudahkan guru dan kanak-kanak dalam perlaksanaan kepada keberkesanan PdPc. Penggunaan aplikasi ICT seperti *Telegram* dan *WhatsApp* telah memberi peluang dan laluan kepada dimensi baru kaedah dan strategi pengajaran yang lebih efisien, proaktif dan kreatif bagi tujuan penghasilan proses PdPc yang lancar dan berkesan dalam semua peringkat pendidikan termasuk PAKK. Pada masa yang sama juga, suatu pendedahan yang khusus harus diberikan berkaitan tentang aspek tahap kemahiran guru dan tahap motivasi guru terhadap penggunaan aplikasi *Telegram* dan *WhatsApp* serta keberkesanannya dalam memberi impak kepada proses PdPc guru. Penggunaan pelbagai sumber teknologi ICT seperti aplikasi *Telegram* dan *WhatsApp* wajar diimplementasikan dalam kalangan guru PAKK secara EMK agar sebuah PdPc yang lancar dan berkesan dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan lebih berkualiti.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian yang terlibat.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Aini Salwati Mohd Yusof. (2021). Amalan penggunaan media digital guru-guru di sekolah Orang Asli. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 6*(3), 215-227.

Alizah Lambri & Zamri Mahamood. (2019). Penggunaan alat bantu mengajar dalam pengajaran Bahasa Melayu menggunakan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(33), 78-94.

Alqahtani, M. M. S. & Vijaya. C. B, Elumalai, K. V & Abumelha, M. (2018). WhatsApp: An online platform for university-level english language education. *Arab World English Journal (AWEJ), 9*(4), 108 -121.

Arzizul Bin Antin & Dg Norizah Binti Ag Kiflee @ Dzulkifli. (2018). Pengaruh beban tugas dan motivasi terhadap keefisienan kerja guru sekolah menengah di Sabah. *Malaysia Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 3*(2), 77-84.

Azman Ab Rahman, Syed Salim Syed Shamsuddin, Nurul Nadia Nozlan, Muhd. Faiz Abd. Shakor & Afaf Sukari. (2021). Pandemik COVID-19: Cabaran pengajaran dan pembelajaran pendidikan islam dalam pendidikan khas bagi pelajar orang kurang upaya masalah pembelajaran di Malaysia. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs, 5*, 127-138.

Best, J. W. (1977). *Research In Education*. New Jersey: Prentice Hall.

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2017). *Kurikukulum Standard Prasekolah Kebangsaan*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahagian Pendidikan Guru. (2016). *Dokumen Awal Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahagian Pendidikan Swasta. (2017). *Garis Panduan Penubuhan, Pendaftaran Dan Pengoperasian Tadika Swasta.* Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Chew, L. Y. & Suziyani Mohamed. (2021). Kemahiran guru dalam mengintegrasi teknologi maklumat dan komunikasi dalam prasekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan, 3*(2), 44-53.

Dinc, E. (2019). Prospective Teachers' Perceptions of Barriers to Technology Integration in Education. *Contemporary Educational Technology*, 10(4), 381-398.

Euis Eti Rohaeti, Nelly Fitriani & Fadillah Akbar. (2020). Developing an interactive learning model using visual basic applications with ethnomathematical contents to improve primary school students' mathematical reasoning. *Journal of Mathematics Education, 9*(2), 275-286.

Fadzliyah Hashim, Farah Farhana Rosli, Fatahiyah Elias, Mohd Radzi Lebai Mat & Che Nazrah Mohd Yusof. (2020). Pengajaran dan pembelajaran dalam talian dan impaknya terhadap guru novis pendidikan Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, 3*(4), 151-162.

Inggar Tri Agustin Mawarni, Novia Ratnasari, Anik Nur Handayani, Muladi, Eka Purmanta Aji Wibowo & Rahmania Sri Untari. (2020). Effectiveness of Whatsapp in improving student learning interests during the covid-19 pandemic. *International Conference on Vocational Education and Training* (ICOVET), 1-5.

Jayaganes Balanadam & Aida Hanim A. Hamid. (2021). Keberkesanan penggunaan tackel kad dalam peningkatan penguasaan sifir di kalangan murid tahun 2 di sebuah sekolah pedalaman. *Jurnal Dunia Pendidikan, 3*(4), 150-162.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025: Laporan Tahunan 2018*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia. Diperoleh daripada https://www.moe.gov.my/muat-turun/penerbitan-dan-jurnal/pppm-2013-2025-pendidikan-prasekolah-hingga-lepas-menengah/3933-ar2018-bm-reportfinal/file.

Levent Centikaya. (2017). The impact fo Whatsapp use on success in education. *International Review of Research in Open and Distributed Learning, 18*(7), 1-16.

Liyana Maisarah Ismail, Norzi Mohd Yusoff & Mohd Isa Hamzah. (2021). Potensi aplikasi *Telegram* dalam prasekolah. *Germane Global Journal of Educational Research dan Management, 1*(1), 58-68.

Maimun Aqsha Lubis, Mohd Sham bin Kamis, Sohaina binti Mohd Salleh, Zunidar, Dr. Usiono, Eka Yusnaldi, Siti Hajar binti Taib & Ikwan Lubis. (2021). Isu terkini pendidikan islam di era pandemik covid 19 di Malaysia. *Asean Comparative Education Research Journal On Islam And Civilization (Acer-J), 4* (1), 75-91.

Melvina, C. H. C. & Sara Beden. (2021). Penggunaan aplikasi Whatsapp dalam e-pembelajaran bagi guru interim di ipg. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik (JuKu), 9*(1), 1-10.

Muhammad Izzat Mailis. (2021). Pandangan dan cabaran guru terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) dalam tempoh pandemik covid-19. *Jurnal Ilmi, 11*, 14-25.

Nilavani A/P Mahalingam & Khairul Azhar Jamaludin. (2021). Impak dan cabaran pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran atas talian semasa perintah kawalan pergerakan*. Jurnal Dunia Pendidikan, 3*(4), 104-115.

Noorazman Abd Samad, Wan Mohd Rashid Wan Ahmad, Hairuddin Harun, Mohd Hasril Amiruddin, Suhaizal Hashim & Faizah binti Ja'apar. (2018). Bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran di sk daerah Pontian. *Online Journal for TVET Practitioners,* 1-10.

Noor Syaheerah Hamdan & Tajul Arifin Muhamad. (2021). Motivasi pelajar sekolah menengah kebangsaan di Kuala Lumpur dan keterlibatan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian sepanjang tempoh pandemik Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan, 3*(3), 250-264.

Noradila Nordin, Nur Rasyidah Mohd Nordin & Wafa Omar. (2021). An immersive augmented reality board game experience. *Multidisciplinary Applied Research and Innovation, 2*(3), 282-285.

Norehan Binti Mohd Nasir dan Mahaliza Binti Mansor. (2021). Cabaran guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah: Suatu pemerhatian awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 6*(7), 416-421.

Norhasna Yaakob & Mohd Jasmy Abd Rahman. (2016). *Perspeksi guru terhadap penggunaan media sosial dalam pengajaran dan pembelajaran: Satu tinjauan di sekolah kebangsaan ledang*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nuradilah Binti Abdul Wahab, Mohd Sani Ismail, Nor Asmawati Ismail, Norliana Abd. Majid, Raihan Mohd Ariffin & Wan Ilmiwati Wan Adnan. (2020). Hubungan antara kefahaman pelajar tentang IR 4.0 dengan penggunaan ICT dalam pembelajaran. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, 21(*1), 193-204.

Nur Fatin Shamimi Che Ibrahim, Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Mohd Ra'in Shaari & Kesavan Nallaluthan. (2021). Persepsi pelajar terhadap aplikasi multimedia interaktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. *Online Journal For Tvet Practitioners, 6*(1), 15-24.

Nur Hanisah Ahmad Saifudin & Mohd Isa Hamzah. (2021). Cabaran pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) dalam talian dengan murid sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan, 3*(3), 250-264.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Nur Hazirah Hairia'an & Masayu Dzainudin. (2020). Pengajaran dan pemudahcaraan dalam talian semasa perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan (Spesial Issue), 9*, 18-28.

Nurul Khadijah Mohamad, Mohamad Redha Mohamadii, Mohamad Saifullah Mohamadiii & Shahirah Sulaiman. (2020). Kaedah Pengajian Al-Quran Secara Maya Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19. *E-Proceeding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2020,* 825-837.

Pallant, J. (2011). *A Step by Step guide to data analysis using SPSS. 4th edition*. Australia: Allen & Unwin.

Radzi Jidin. (2020). *Teks ucapan Sidang Media Pembukaan Semula Sekolah bagi Murid Bukan Kelas Peperiksaan Awam: 1 Julai 2020*. Putrajaya: Radzi Jidin. Diperoleh daripada https://www.moe.gov.my/muat-turun/teks-ucapan-dan-slide/tu2020/3510-teks-ucapan-sidang-media-ybmk-pendidikan-berhubung-pembukaan-semula-sekolah-bagi-murid-bukan-kelas-peperiksaan-awam-1-julai-2020/file.

Roshlawaty Raieh. (2020). *Realiti Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) semasa PKPB: Ini yang perlu kita tahu.* Diperoleh daripada https://www.gpsbestari.com/artikel/rencana/realiti-pengajaran-dan-pembelajaran-di-rumah-pdpr-semasa-pkpb-ini-yang-perlu-kita-tahu-1.936425/file.

Sandra Rahman, Abu Bakar Nordin & Norlidah Alias. (2013). Penggunaan ICT merentas kurikulum standard prasekolah kebangsaan (KSPK): Tinjauan di prasekolah kementerian pelajaran Malaysia. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 1*(4), 12-20.

Shah Rulbani Zakaria, Mohd Isa Hamzah & Khadijah Abdul Razak. (2017). Penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran pensyarah pendidikan islam di politeknik zon selatan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah, 3*(1), 29-41.

Siti Hajar Halili & Suguneswary. (2016). Penerimaan guru terhadap penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi berasaskan model tam dalam pengajaran mata pelajaran Bahasa Tamil. *Jurnal kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 4*(2), 31-41.

Siti Nurbaizura Che Azizan & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2020). Pandangan guru terhadap pembelajaran dalam talian melalui pendekatan home based learning (HBL) semasa tempoh pandemik covid-19. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, *11*, 46-57.

Siti Nur Wahida Rosli, Rosadah Abd. Majid & Ahmad Zamri Mansor. (2021). Pelaksanaan PdPR Terhadap Murid Ketidakipayaan Pendengaran: Pandemik Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, *3*(4), 174-188.

Suvarmani Subban, Nor Asiah Razak, Habibah Ab. Jalil & Ismi Arif Ismail. (2020). Pelaksanaan e-pembelajaran dalam persekitaran sosial dan budaya di sekolah transformasi (TS25) di Malaysia. *Innovative Teaching and Learning Journal, 6*(1), 32-51.

Suraya Morsidi, Norazrena Abu Samah, Khairul Anuar Abdul Rahman, Zakiah Mohamad Ashari, Nurul Farhana Jumaat & Abdul Halim Abdullah. (2017). WhatsApp and its potential to develop communication skills among university students. *International Journal of Interactive Mobile Technologies (iJIM), 15*(23), 57-71.

Syahiza Zaharuddin & Fariza Khalid. (2019). Penerimaan pelajar tingkatan 1 terhadap penggunaan aplikasi web 2.0 untuk pembelajaran. *Graduate Research In Education Seminar (Greduc) 2019,* 92-98.

Tuan Shariffah Khairiah Tuan Kechil & Mohd Mahzan bin Awang. (2021). Penerapan nilai dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah melalui aplikasi Telegram. *International Journal of Al-Quran and Knowledge*, 2, 1-8.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Ugartini Magesvaran & Zamri Mahamod. (2021). Aplikasi google meet sebagai medium pembelajaran Bahasa Melayu secara dalam talian di kalangan pelajar prasekolah. *International Conference on Businesss Studies and Education* (ICBE), 967-978.

Unit Koperasi Koperat. (2009). *Enam Bidang Keberhasilan Utama Negara*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Vanessa, P. I. & Nurfaradilla Mohd Nasri. (2020).Tahap kesediaan dan sokongan bagi pelaksanaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran guru sekolah rendah. *International Journal of Education and Pedagogy, 2*(4), 489-508.

Wakil, Qaisar, & Mohammed. (2017). Enriching Classrooms with Technology in the Basic Schools. *European Journal of Open Education and E-learning Studies*, 2(1), 99-108.

Wong Ai Bing & Khairul Azhar Jamaludin. (2021). Pembelajaran dalam talian (e-pembelajaran) semasa pandemik covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan, 3*(3), 408-414.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).